

KERATAN AKHBAR

Tingkat kemahiran penduduk luar bandar

7,000 termasuk wanita, ibu tunggal sertai kursus DIY di kelas KEMAS

Oleh Safuri Kamarudin
bhnews@bh.com.my

Baling: Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperkenalkan kursus Do It Yourself (DIY) bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masyarakat luar bandar.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata setakat ini seramai 7,000 peserta sudah menyertai kursus itu yang dilaksa-

nakan di kelas Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Katanya, kursus itu membabitkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat, terutama golongan wanita luar bandar, ibu tunggal dan suri rumah.

"Ya membabitkan beberapa modul. Antaranya pembaikan kecil atau penyelenggaraan isi rumah, pembaikan paip dan salur air; pengubahsuaian pakaian dan kerja pertukangan.



Rina merasmikan Program WINS Peringkat Negeri Kedah 2019 di Baling, semalam. (Foto Safuri Kamarudin/BH)

Ini secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga mahir yang perlu dibayar.

Rina Mohd Harun,
Menteri Pembangunan Luar Bandar

"Ya sekaligus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masyarakat dalam aktiviti membina dan membuat pembaikan di rumah dengan sendiri.

"Ini secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga mahir yang perlu dibayar, sekali gus mengurangkan kos sara hidup," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Wanita Inspirasiku (WINS) Peringkat Negeri Kedah, di sini, semalam.

Katanya, program itu diperke-

nal selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar menerusi teras ke-6 Memperkasakan Wanita Luar Bandar.

"Kita menyasarkan 7,140 peserta dengan 476 siri kursus di seluruh negara membabitkan kos RM1.4 juta," katanya.

Rina berkata, sempena program itu juga seramai 300 usahawan rintis mendaftar secara percuma dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menggalakkan mereka mencebur diri dalam perniagaan.

KETERANGAN AKHBAR